



SEBAHAGIAN graduan yang menerima diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-64 UiTM, Shah Alam semalam.

# Zamhari enggan gagal kali ketiga

SHAH ALAM - Graduan cemerlang, Mohamad Zamhari Abol Hassan, 24, akhirnya berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang walaupun pernah dua kali gagal menamat pengajian sebelum ini.

Dia yang merupakan anak sulung daripada empat beradik itu adalah antara 2,074 graduan yang dikurniakan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-64 Universiti Teknologi Mara (UiTM) semalam.

Menceritakan pengalamannya, Mohamad Zamhari memberitahu, kegagalan demi kegagalan yang dialaminya itu tidak mematahkan semangat untuk terus berusaha.

Malah, dua kegagalan terdahulu membuatkannya bertekad tidak mahu

lagi mengecewakan harapan keluarga.

"Dulu saya dah masuk UiTM, tapi selepas setahun saya dah tak boleh teruskan. Lepas tu saya masuk UTM (Universiti Teknologi Malaysia), lepas setahun setengah, saya cabut," katanya.

Mohamad Zamhari, ketika belajar di UiTM, dia mengambil jurusan Senibina dan semasa di UTM memasuki jurusan Kejuruteraan Marin.

"Mak marah juga, tapi dia tabah sebab nak tengok saya berjaya. Saya cuba minta nak masuk UiTM sekali lagi. Alhamdulillah saya diterima," katanya.

Graduan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seramik) berasal dari Kuching, Sarawak itu akhirnya berjaya menamatkan pengajian tiga tahun di UiTM Sri Iskandar, Perak dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.78.



ZAMHARI